

LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK

Sila Baca Lembaran Penzahiran Produk ini sebelum memutuskan anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan Ar Rahnu 6+6+6.

Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk pembiayaan ini.



PEMBIAYAAN AR RAHNU 6+6+6

Tarikh: _____

(Untuk diisi oleh Staf
Jualan/Cawangan)

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

- Pembiayaan Ar-Rahnu 6+6+6 adalah produk pembiayaan yang membenarkan emas atau barang kemas / (“Marhun”) dijadikan sebagai cagaran. Jumlah pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan adalah bergantung kepada peratusan yang ditentukan oleh CBP dan jenis barang Marhun yang dicagarkan.
- Mutu barang kemas emas yang diterima adalah 999, 950, 916, 875, 835 dan 750.
- Pembiayaan ini adalah patuh Syariah yang ditawarkan kepada individu bagi memenuhi keperluan wang tunai dengan segera.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan untuk produk pembiayaan ini ?

Konsep Syariah yang digunakan untuk produk pembiayaan ini ialah:

- Tawarruq (Komoditi Murabahah) ialah akad transaksi jual beli komoditi atau aset berdasarkan pembayaran tangguh secara Murabahah (iaitu harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi atau aset tersebut akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapatkan tunai.
- Rahn adalah mekanisme di mana satu barang berharga dijadikan sandaran yang terikat dengan pembiayaan secara bercagar yang boleh dibayar dengannya, sekiranya pembiayaan tersebut tidak dapat dijelaskan.
- Ijarah Al-Khidmat adalah mekanisme di mana CBP bertanggungjawab untuk menjaga dan mengurus Marhun yang dicagar tersebut. Dan melalui kontrak Ijarah Al-Khidmat, fi penstrukturkan dikenakan kepada pelanggan bagi menampung kos-kos yang terlibat dalam menguruskan Marhun.

3. Apakah kelebihan yang saya dapat dari produk pembiayaan ini?

Kelebihan produk pembiayaan ini adalah seperti berikut :

- Pembiayaan yang berlandaskan Syariah;
- Marhun adalah dijamin keselamatannya; dan
- Kadar Keuntungan yang tetap (tidak berubah) sehingga tamat Tempoh Gadaian (18 Bulan)

4. Adakah saya layak untuk memohon produk pembiayaan ini?

Produk ini adalah terbuka kepada

Warganegara Malaysia dan penduduk tetap berumur 18 tahun ke atas (semasa permohonan) termasuk :

Anggota individu CBP

Kakitangan CBP

Bukan Anggota CBP

Tidak muflis

5. Berapakah jumlah pembiayaan yang akan saya perolehi?

- Pelanggan akan memperolehi jumlah pembiayaan sehingga 80% daripada nilai pasaran semasa marhun.

Jumlah pembiayaan terkumpul adalah sehingga RM350,000 bagi setiap pelanggan dengan maksimum sehingga RM300,000 untuk transaksi harian.

6. Berapakah Tempoh Pembiayaan/Gadaian?

Berapakah Tempoh Pembiayaan.

- Tempoh pembiayaan/gadaian adalah 18 bulan dalam satu Surat Akuan Gadaian
- Tempoh bayaran keuntungan pembiayaan adalah pada setiap 6 bulan

7. Apakah jenis Marhun yang boleh diterima?

- Barang kemas / emas (Kategori Emas) yang diperbuat daripada emas yang mempunyai mutu 999, 950, 916, 875, 835 dan 750.
- Menerima semua jenis Kepingan Emas dan Syiling Emas yang dikeluarkan/diedar oleh Syarikat Pengedar ,Kerajaan Negeri dan Bank Negara atau Syarikat Pengeluar dari luar negara KECUALI yang telah DISENARAIHITAM oleh Bank Negara (BNM)

8. Bagaimanakah cara bayaran keuntungan pembiayaan boleh dilakukan?

- Bayaran keuntungan pembiayaan dilaksanakan pada 6 bulan pertama, 6 bulan kedua dan pada 6 bulan ketiga sebelum atau pada tarikh matang gadaian.
- Tamat tempoh pada bulan ke-18

Jika pelanggan ingin menyambung gadaian melebihi tempoh (18) bulan, Surat Akuan Gadaian baharu dan akad baharu MESTILAH dilakukan dengan urusniaga dagangan komoditi yang baharu. Pelanggan mestilah menyelesaikan semua caj keuntungan bagi akad Ar-Rahnu yang terdahulu sebelum layak untuk memperbaharui Surat Akuan Gadaian.

9. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Pada hari pertama gadaian, Fi Struktural 3% ke atas nilai marhun akan dibayar secara lumpsum pada hari pertama gadaian dibuat yang mengambil kira kos-kos operasi yang terlibat seperti di bawah;

10. Apakah yang saya perolehi dari produk pembiayaan ini?

Jumlah Harga Jualan : RM

Jumlah Pembiayaan : RM

Fi Struktural :

Ibra' :

Kadar Keuntungan : % Setahun

Efektif

Tempoh : Bulan

Pembiayaan/Gadaian

11. Berapakah jumlah keuntungan pembiayaan yang perlu dibayar oleh saya?

- Kadar keuntungan 12 bulan sebanyak (96%) atas nilai pembiayaan hendaklah dibayar pada 6 bulan pertama, 6 bulan kedua dan 6 bulan ketiga.
- Bayaran fi sebanyak 34% atas nilai Marhun dibayar secara *lumpsum* pada hari pertama gadaian ditolak daripada jumlah pengeluaran pembiayaan.
- Pengiraan jumlah Keuntungan Pembiayaan adalah seperti berikut:
[(Kadar Keuntungan Efektif x Jumlah Pembiayaan) x (Bilangan Hari/365)]

12. Apakah tanggungjawab kewangan saya?

- Fi Struktural sebanyak 3% atas nilai Marhun perlu dibayar pada hari pertama gadaian dan ditolak daripada jumlah pembiayaan
- Kadar Keuntungan 9% setahun atas nilai pembiayaan perlu dibayar oleh pelanggan setiap 6 bulan pertama, 6 bulan kedua dan 6 bulan ketiga. Jumlah pembiayaan beserta jumlah keuntungan/terakhir (6 bulan ketiga) hendaklah dibayar penuh sebelum/pada tarikh tamat pembiayaan pada bulan ke 18.

13. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Kemungkiran Pelanggan

- Sekiranya pelanggan gagal membayar caj keuntungan pada 6 bulan pertama atau pada 6 bulan kedua atau pada 6 bulan ketiga CBP berhak menjual/melelong Marhun berkenaan mengikut prosedur penjualan / pelelongan sebagaimana persetujuan yang telah diberikan oleh pelanggan semasa membuat permohonan pemberian.
- Sekiranya pelanggan gagal menjelaskan pemberian di dalam tempoh pemberian/gadaian yang telah ditetapkan, CBP berhak untuk menjual/ melelong Marhun berkenaan mengikut prosedur penjualan/ pelelongan sebagaimana persetujuan yang telah diberikan oleh Pelanggan semasa membuat permohonan pemberian.
- CBP berhak menganak dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada pihak Pelanggan ke atas kerugian yang dialami kerana Pelanggan lewat/ gagal membayar ansuran. Baki pemberian atau apa-apa bayaran tertunggak yang perlu dibayar kepada pihak CBP adalah dikira dari tarikh pembayaran sehingga pembayaran sepenuhnya seperti mana berikut:
 - Selepas tarikh matang *Ta'widh* yang dikenakan adalah pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) ke atas keseluruhan jumlah baki tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru) seperti mana yang ditetapkan oleh CBP dari semasa ke semasa.
 - Atas budi bicara mutlak CBP, pengecualian dari *Ta'widh* boleh diberikan sekiranya pelanggan tergolong dalam golongan *mu'sir*. Pelanggan mestilah membuat deklarasi dengan pihak CBP untuk mendapat pengecualian berkenaan.
- Caj Pengurusan Lelongan

Sekiranya pemberian tidak dijelaskan mengikut tempoh pemberian/gadaian yang telah ditetapkan, Marhun akan dilelong mengikut prosedur pelelongan dan pelanggan akan dikenakan Caj Pengurusan Lelongan pada kos insidental sebenar. Caj ini akan ditolak dari hasil pelelongan.

- Jumlah Kemungkiran akibat pelelongan adalah jumlah yang dikira berdasarkan kepada apa-apa jumlah yang terhutang oleh Pelanggan kepada CBP termasuk semua caj dan kos insidental seperti formula berikut:

Jumlah mungkir = (*Markup Murabahah Efektif* terakru)* + (*Markup Murabahah* efektif bergerak sehingga tarikh lelongan)* + (*Ta'widh*) + (Kos insidental sebenar lelongan)

*Jumlah mungkir keseluruhan tidak harus melebihi harga jualan.

14. Bagaimana jika saya membuat penjelasan penuh sebelum Tarikh Matang?

- Pihak CBP akan memberikan rebat kepada pelanggan berdasarkan prinsip Syariah *Ibra'* bagi:

- i) sebarang penebusan awal/ penyelesaian awal;
 - ii) perbezaan di antara Harga Jualan dan bayaran ansuran sebenar yang telah diselesaikan apabila berakhirnya sesuatu Tarikh Matang.
- Formula pengiraan *ibra'* secara am nya adalah seperti berikut:
 $Ibra' = \text{Harga Jualan Murabahah} - \text{Jumlah Penebusan}$

15. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Perlindungan Takaful bagi Marhun
 - i) Marhun yang berada di dalam simpanan CBP (dalam tempoh pembiayaan/gadaian) adalah dilindungi takaful melalui Pengendali Takaful yang dilantik oleh CBP.
 - ii) Had perlindungan takaful adalah tertakluk kepada Nilai Marhun yang dinyatakan di dalam Surat Akuan Gadaian.
- Perlindungan Takaful Kredit
 - i) Pelanggan digalakkan mengambil Pelan Perlindungan Takaful Kredit daripada Pengendali Takaful yang dilantik oleh CBP atau Pengendali Takaful pilihan sendiri bagi menjamin jumlah keter hutangan sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal ke atas pelanggan.
 - ii) Pembayaran bagi Perlindungan Takaful Kredit adalah di bawah tanggungjawab pelanggan.

16. Apakah risiko yang terlibat?

- Jika pelanggan mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan, sila hubungi pihak CBP dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.

17. Adakah saya memerlukan penjamin?

Tiada penjamin diperlukan.

18. Apakah perbezaan di antara produk Pembiayaan Ar-Rahnu Flexi dengan produk Pembiayaan Ar-Rahnu 6+6+6?

Ar-Rahnu Flexi		Ar- Rahnu 6+6+6	
Kadar Keuntungan %	6% setahun dari nilai pembiayaan dibayar pada hari pertama gadaian dibuat.	Kadar Keuntungan %	9.0% setahun dari nilai pembiayaan dibayar oleh pelanggan pada 6 bulan pertama, 6 bulan kedua dan 6 bulan ketiga.
Fi Struktural %	6.0% dari nilai marhun) di bayar secara		

	<p><i>lumpsum (one off)</i> pada hari pertama gadaian dibuat ditolak daripada jumlah pengeluaran dan tidak tertakluk kepada apa-apa ibra'/rebat/refund atau reversal</p> <p>Ibra'/rebат/refund/reversal</p> <p>Kadar Keuntungan</p> <p>Ibra' akan diberikan daripada kadar keuntungan 6% jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Sebarang penebusan awal / penyelesaian awal; ii) Perbezaan di antara Harga Jualan dan bayaran ansuran sebenar (caj keuntungan) yang telah diselesaikan apabila berakhirnya sesuatu Tarikh Matang. <p>Fi Struktural</p> <p>Tiada ibra' diberikan bagi sebarang penebusan awal / penyelesaian awal atas 4% fi struktural tersebut.</p>	<p>Struktural fi %</p> <p>3.0% dari nilai marhun di bayar secara <i>lumpsum (one off)</i> pada hari pertama gadaian dibuat ditolak daripada jumlah pengeluaran pembiayaan dan tidak tertakluk kepada apa-apa ibra'/rebat/refund atau reversal</p> <p>Ibra'/rebат/refund/reversal</p> <p>Kadar Keuntungan</p> <p>Ibra' akan diberikan daripada kadar keuntungan 96% jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Sebarang penebusan awal / penyelesaian awal; ii) Perbezaan di antara Harga Jualan dan bayaran ansuran sebenar (caj keuntungan) yang telah diselesaikan apabila berakhirnya sesuatu Tarikh Matang. <p>Fi Struktural</p> <p>Tiada ibra' diberikan bagi sebarang penebusan awal / penyelesaian awal atas 34% struktural fi tersebut.</p>	
--	--	--	--

19. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi?

Pelanggan hendaklah memaklumkan CBP mengenai apa-apa perubahan butiran peribadi untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan Pelanggan disampaikan dengan lebih berkesan.

<p>20. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Sekiranya Pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari laman web www.cbp.com.my 	<p>21. Sebarang cadangan dan pertanyaan boleh disalurkan ke:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pusat Panggilan di talian 1-300-88-7650 dari hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang ▪ E-mel kepada ar-rahnu@cbp.com.my 	<p>22. Untuk sebarang aduan, sila salurkan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Hotline Aduan: 1-300-88-7650 ▪ Alamat Aduan: Corporate Communication Department Tingkat 12 Wisma Co-opbank Pertama No 115 Jalan Raja Muda Abdul Aziz Kampung Bharu 50300 Kuala Lumpur ▪ E-mel kepada info@cbp.com.my. <p>Sekiranya CBP tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, Pelanggan boleh merujuk selanjutnya kepada: Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Tingkat 6, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur Laman web: www.skm.gov.my Tel: 03-20834300; Faks: 03-20834100 ; Atau Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi = http://aduan.skm.gov.my</p>
---	---	--

NOTA PENTING!

**CBP BERHAK UNTUK MELELONG MARHUN BARANG GADAIAN PELANGGAN JIKA
PELANGGAN GAGAL MEMBUAT BAYARAN KEUNTUNGAN DAN/ ATAU PEMBIAYAAN PADA
AKHIR TEMPOH PEMBIAYAAN/ CBP JUGA BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-
UNDANG KE ATAS PELANGGAN JIKA MARHUN ADALAH PALSU.**

Penafian: Terma dan syarat di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak CBP. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Pembiayaan Ar-Rahnu 6+6+6.

Saya/Kami dengan ini mengesahkan telah menerima, membaca dan memahami penjelasan yang diberikan melalui Lembaran Pendedahan Produk ini serta Terma dan Syarat Pembiayaan Ar-Rahnu 6+6+6 yang terkandung di laman web www.cbp.com.my.

.....

Nama Pelanggan:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh :